

METAFORA HAIWAN: KAJIAN PERBANDINGAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA INDONESIA

Merry Lapasau
merry@fbmk.upm.edu.my

Arbak Othman
arbak@fbmk.upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Artikel ini membahaskan penggunaan metafora haiwan dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, dan bertujuan untuk menghasilkan kaedah-kaedah kebahasaan secara linguistik dalam metafora haiwan, iaitu dari segi semantik, bentuk dan jenis pembentukan, dan konsepnya. Metafora bahasa Melayu diperoleh daripada kamus umum, kamus peribahasa dan kamus simpulan bahasa dari Malaysia dan Indonesia. Kajian deskriptif ini menggunakan teori metafora konsepsi daripada Lakoff dan Johnson (2008) yang berpendapat bahawa metafora bukan hanya membentuk komunikasi manusia melainkan juga membentuk pemikiran dan perilaku manusia. Daripada kajian ini, didapati masyarakat Melayu Malaysia dan Indonesia meneroka metafora haiwan dengan makna yang sama kerana mereka mempunyai konsep pemikiran yang mirip berdasarkan latar belakang budaya yang berkaitan.

Kata kunci: semantik, metafora haiwan, konsepsi metafora haiwan

Abstract

This article discusses the usage of animal metaphors in Malay and Indonesian focusing on linguistic features including semantics, forms and formations, and concepts. Malay metaphors were collected from general dictionaries and dictionaries of idioms and proverbs from Malaysia and Indonesia. This descriptive study adopts the theory of conceptual metaphor from Lakoff and Johnson (2008) which holds that conceptual metaphors shape not just our communication but also the way we think and act. The study finds that the Malay societies in Malaysia and Indonesian each create animal metaphors with the same meanings because the two societies have similar thought concepts resulting from their close cultural relations.

Keywords: semantic, animal metaphors, concept of animal metaphor:

PENDAHULUAN


Manusia mengidentifikasi dirinya dan orang lain melalui penggunaan bahasa dan memandang bahasa sebagai simbol identiti sosial mereka. Bahasa sebagai sistem tanda dengan nilai budaya yang beragam memberikan penutur bahasa jati diri yang berbeza dengan jati diri penutur bahasa lain. Dalam kehidupan berbahasa sehari-hari, kita sering kali menggunakan metafora untuk menyatakan maksud dan tujuan tertentu. Penggunaan metafora haiwan menjadi salah satu alternatif dalam berkomunikasi dengan motif dan latar belakang, serta fungsi sosialnya.

Menurut Asmah Haji Omar (2008), metafora digunakan sepanjang masa dalam bahasa sehari-hari tanpa kita menyedarinya. Pengguna bahasa juga meneroka metafora sendiri tanpa menyedari bahawa kata-kata yang digunakan itu merupakan metafora. Dalam hal ini, metafora berbeza daripada peribahasa dan perumpamaan dengan kewujudan masing-masingnya sangat disedari oleh pengguna bahasa. Sesiapa pun boleh mencipta metaforanya sendiri, dan apabila metafora itu disukai, ia akan digunakan. Jika penggunaan diteruskan oleh orang lain, metafora berkenaan boleh menjadi sebahagian daripada bahasa sehari-hari.

Metafora dalam pengertian sempit merupakan satu gaya bahasa (*figure of speech*) di samping berbagai-bagai gaya bahasa lain seperti metonimi, simili, polisemi, personifikasi dan sebagainya. Sedangkan metafora dalam pengertian luas ialah terminologi utama yang mewakili semua jenis gaya bahasa.

Gaya bahasa (stail) atau dalam bahasa Indonesia dikenali sebagai majas adalah pilihan kata tertentu yang sesuai dengan maksud penulis atau pembicara dalam rangka memperoleh aspek keindahan. Pada umumnya, majas dibezakan oleh perbezaan empat jenis, iaitu: a) majas penegasan, b) majas perbandingan, c) majas pertentangan, dan d) majas sindiran (Kutha Ratna 2009:164). Metafora dalam pembahagian ini termasuk dalam majas perbandingan. Secara umum, metafora boleh didefinisikan sebagai suatu perbandingan tanpa menggunakan kata banding “sama dengan”, “laksana” atau “seperti”. Perbandingan dengan menggunakan kata banding disebut simili.

Gaya bahasa metafora sebagai majas perbandingan dalam bahasa Indonesia adalah sama dengan perumpamaan dalam istilah bahasa Melayu. Dalam *Kamus Umum Peribahasa* Mohd. Tajuddin Hj. Abd. Rahman (2006) perumpamaan merupakan salah satu bahagian atau cabang daripada peribahasa. Menurut beliau, perumpamaan adalah susunan kata dalam suatu ayat yang memberikan makna khas dan berlainan daripada apa yang dikatakan atau ditulis, atau yang membandingkan sesuatu benda dengan benda lain. Penjenisan perbandingan dapat terbahagi kepada: (a) perumpamaan yang menyebut perbandingan (menggunakan kata “seperti”, “bak”, “penaka”, “bagai”, “macam”, “ibarat”, “laksana”, “umpama”) dan sebagainya (b) perumpamaan yang tidak menyebut perbandingan. Bentuk atau ciri perumpamaan adalah maksud berlapis seperti untuk membandingkan tingkah manusia dengan keadaan sekitar atau alam. Sebagai cabang daripada peribahasa ia dapat wujud lebih panjang daripada simpulan bahasa dan lebih memberatkan pada perbandingan. Mohd. Tajuddin Hj. Abd. Rahman (2006:viii) memberi struktur peribahasa Melayu seperti yang Rajah 1.



Rajah 1 Struktur peribahasa Melayu.

Menurut definisi dalam *Ensiklopedia Bahasa Melayu*, metafora ialah kiasan langsung dalam erti kata bahawa sesuatu perbuatan, kejadian, atau sifat dikiaskan secara langsung kepada benda atau sifat benda tertentu di luar perbuatan, kejadian, atau sifat yang diperkatakan. Kiasan langsung yang tergolong sebagai metafora tidak perlu merupakan kependekan daripada perumpamaan seperti yang diperlihatkan dalam kiasan langsung. Metafora boleh mempunyai pangkalnya daripada apa sahaja kejadian dan gejala alam: haiwan, tumbuhan, bulan, bintang dan benda-benda alam yang lain, benda konkrit, bahagian tubuh manusia, serta sifat benda itu dari segi fizikal, gerak-geri, rasa, saiz, warna, kegiatan, dan sebagainya. Dengan kata lain, metafora adalah semua penggunaan gaya bahasa yang meliputi bentuk kiasan (Asmah Haji Omar, 2008:159).

BATASAN MASALAH

Kajian ini berfokus pada permasalahan yang berikut:

1. Persamaan dan perbezaan metafora haiwan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dalam makna denotatif dan konotatif.
2. Konsep yang disandang metafora haiwan dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia
3. Hubungan erti metaforis antara ungkapan metafora dengan haiwan yang menjadi pembandingnya.
4. Jenis pembentukan metafora haiwan.
5. Minda dan nilai-nilai budaya masyarakat Melayu dan Indonesia yang dapat diketahui melalui metafora haiwan.

Metafora haiwan sebagai bahan kajian belum banyak diteliti baik di Malaysia mahupun di Indonesia. Penelitian yang ada hanya mengenai metafora pada umumnya dan diteliti sebagai suatu cabang daripada peribahasa. Oleh sebab itu, penelitian ini diharapkan dapat memberi maklumat kaedah bahasa mengenai metafora haiwan dalam kedua-dua bahasa serta dapat mengetahui budaya, sikap dan pandangan hidup (*Weltanschauung*) masyarakat Melayu dan Indonesia.

METODOLOGI

Metodologi kualitatif digunakan untuk menghasilkan data deskriptif tentang metafora haiwan dalam bahasa Melayu dan Indonesia. Dalam penelitian ini penulis menghadapi tiga tahap strategi, iaitu: tahap

pengumpulan data, analisis data, dan penyajian hasil analisis data. Pengumpulan data dilakukan dengan teknik catatan sesuai dengan metodologi kajian kepustakaan. Data yang dianalisis dikumpulkan daripada kamus dan buku yang berikut:

Bahan Kajian Metafora Haiwan Bahasa Melayu:

Kamus Dewan, 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Tajuddin Haji Abdul Rahman, 1991. *Kamus Umum Peribahasa*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Pakhoruzi Muhammad, 2009. *Kamus Simpulan Bahasa*. Shah Alam: Pustaka Dini.

Bahan Kajian Metafora Haiwan Bahasa Indonesia:

Badudu, J.S., 2008. *Kamus Peribahasa*. Jakarta: Kompas.

Sarwono, P., 2007. *Kamus Peribahasa*. Jakarta: Gramedia.

Pamuntjak, K St. *et al.*, 2004. *Peribahasa*. Jakarta: Balai Pustaka.

Tidak semua metafora haiwan dapat dianalisis kerana keterbatasan ruang dan penulis memberikan dua atau tiga haiwan dalam tiap golongan sebagai contoh. Data yang telah dikumpulkan digolongkan dalam kumpulan haiwan seperti yang berikut:

Haiwan menyusui tidak buas/peliharaan: tikus, kucing, anjing.

Haiwan menyusui buas: harimau, babi.

Haiwan air: katak/kodok, ikan.

Serangga: lebah, labah-labah.

Unggas: ayam, burung (burung pipit, burung gagak)

Reptilia: buaya, ular

METAFORA

Secara etimologi, metafora berasal daripada kata Latin *metaphor* yang bererti “peralihan” (*transfer*), atau daripada kata Yunani *metaphora*, gabungan daripada *meta* (*across*) dan *phor* (*carry*).

Harimurti Kridalaksana (2008:152) memberikan definisi metafora sebagai pemakaian kata atau ungkapan lain untuk objek atau konsep lain

berdasarkan kias atau persamaan, misalnya “kaki gunung”, “kaki meja” berdasarkan kias pada kaki manusia.

Sama ada sesuatu ungkapan tertentu termasuk dalam kategori ungkapan metaforis atau tidak, ditentukan oleh bagaimana kita mendefinisikan makna metaforis ungkapan tersebut. Sebagai contoh, ungkapan “kaki gunung” dapat dikategorikan sebagai suatu ungkapan metaforis jika morfem kaki diertikan sebagai bahagian terendah daripada paha makhluk hidup sebagai tempat berdiri kerana gunung bukanlah makhluk hidup. Tetapi jika pengertian morfem kaki diperluas menjadi bahagian terendah daripada tempat tertumpunya manusia mahu pun benda mati, maka ungkapan “kaki gunung” bukan merupakan suatu ungkapan metaforis. Ungkapan “panjang tangan” dalam bahasa Melayu dan Indonesia secara denotatif merujuk kepada keadaan tangan seseorang yang memang panjang, namun secara konotatif dengan makna metaforis membawa pengertian “seorang yang suka mencuri”.

Dalam pemetaan struktur metafora, Luxemburg *et al.* (1989:65) yang dipetik oleh Kutha Ratna (2009:191) menggunakan empat istilah, iaitu: (a) pembandingan, (b) pebandingan (memiliki kesamaan dengan penanda dan petanda), (c) motif, dan (d) kata perangkai. Dalam ayat “Anak itu bodoh seperti kerbau”, ujaran “anak itu” ialah pebandingan, dan “kerbau” ialah pembandingan, manakala “bodoh” merupakan motif, sedangkan “seperti” dianggap sebagai perangkai. Berbeza dengan perumpamaan, sering kali motif tidak disebutkan sehingga ayatnya berbunyi “Anak itu kerbau”. Dalam hubungan inilah motif harus dicari, di samping “bodoh” mungkin bererti penurut, kotor, lambat, gemuk, dan sebagainya. Apabila pebandingnya merupakan benda mati, sedangkan pembandingnya benda hidup, maka disebut gaya bahasa atau majas personifikasi, seperti “kaki meja”, “daun nyiur melambai-lambai”, “seperti telur di ujung tanduk” dan lain-lain.

ETIMOLOGI METAFORA HAIWAN

Metafora haiwan dapat diteroka berdasarkan sedutan daripada ungkapan orang terkenal, daripada tulisan yang bersifat keagamaan, ataupun daripada karya sastera. Beberapa metafora haiwan muncul melalui media massa, melalui kontak bahasa antarabangsa dan juga pemindahan bahasa. Cerita anak-anak atau dongeng juga berpengaruh dalam perkembangan metafora haiwan kerana banyak watak haiwan dalam dongeng yang sudah menjadi universal dan mempunyai persamaan di beberapa negara yang masuk sebagai perbendaharaan kosa kata umum. Contohnya seperti “kancil yang

cerdik”, “serigala yang licik”, “buaya yang bodoh” didapati sudah pun masuk menjadi kosa kata bahasa standard.

BENTUK UMUM METAFORA¹

Terdapat beberapa bentuk umum metafora, iaitu:

1. Metafora kreatif (spontan dan inovatif): “bahtera di padang pasir” merujuk kepada haiwan unta, “bunga tidur” merujuk kepada mimpi.
2. Metafora eufemisme (kesantunan): “usia senja” untuk orang usia lanjut, “kupu-kupu malam” untuk perempuan yang bekerja sebagai pelacur.
3. Metafora konvensional (*klische*): “badai nasib”, dengan makna nasib seseorang yang terumbang-ambing, “anak emas” dengan makna anak yang sangat disayangi kerana mempunyai rupa dan sikap yang bagus.
4. Metafora yang telah dileksikalisasi: “leher botol”, “kaki meja”, “buah pinggang”. Bentuk-bentuk metafora seperti ini sudah tidak nampak lagi nilai metaforisnya kerana telah dileksikalisasi menjadi frasa biasa.
5. Metafora bentukan ulang (perbandingan bentuk baharu yang diambil daripada ungkapan lama): “jinak-jinak lalat” yang bermakna tidak terlalu jinak ialah bentuk baharu yang mengambil contoh ungkapan lama yang sudah dikenali dalam masyarakat iaitu “jinak-jinak merpati”.

FUNGSI UMUM METAFORA

Metafora dapat mendukung beberapa fungsi umum, iaitu:

1. Fungsi bahasa: sarana untuk menghasilkan berbagai-bagai kombinasi makna yang berbeza dengan penggunaan bahasa terbatas.
2. Fungsi predikatif: sarana untuk merangkumkan berbagai-bagai ragam fenomena kehidupan melalui bentuk ungkapan metaforis berkonsep dan hubungan analogi.
3. Fungsi heuristik: sarana untuk menghuraikan berbagai-bagai macam makna yang memerlukan pentafsiran.
4. Fungsi afektif-emosional: sarana curahan pengalaman intuitif berbagai-bagai perasaan serta sarana penyampaian keadaan perasaan yang kompleks (melalui makna yang disampaikan dengan kiasan).
5. Fungsi sosial: sarana pembentukan tradisi dan budaya yang sudah berakar umbi yang mencerminkan suatu bentuk sosialisasi bahasa.

6. Fungsi retorik atau manipulatif: sarana untuk mempengaruhi orang lain atau kelompok tertentu (dalam komunikasi umum dan argumentasi).
7. Fungsi estetika: sarana penyampaian kemampuan seni berbahasa dan mencakupi semua fungsi lain yang telah disebutkan di atas.

Fungsi Semantik Metafora Haiwan

Fungsi semantik penggunaan metafora haiwan adalah untuk menambah atau mengisi kekosongan makna. Dengan bercermin pada kehidupan dan perangai haiwan, manusia meneroka metafora antara lain sebagai refleksi terhadap kesalahan diri sendiri atau rujukan kepada sifat orang lain.

Ataupun jika kita tidak ingin mengatakan sesuatu secara langsung, kita boleh menggunakan metafora haiwan agar pembicaraan lebih selesa dan tidak terlalu serius. Metafora haiwan mencerminkan perbezaan dan persamaan antara sifat manusia dengan haiwan yang menjadi perbandingan atau simbol persamaan. Hubungan sosial yang tercermin melalui metafora haiwan dapat berupa hubungan antara manusia dengan haiwan, manusia dengan manusia mahu pun manusia dalam kelompok masyarakat. Ungkapan dalam bahasa Indonesia “dia penakut seperti kelinci (arnab)” bermakna sama dengan ungkapan bahasa Melayu “dia penikus”. Ungkapan seperti ini muncul daripada pengamatan manusia melalui hubungannya dengan haiwan. Alasan lain penggunaan metafora haiwan misalnya kerana kandungannya yang terkadang penuh kelakar, namun boleh membawa makna yang mendalam, terkadang puitis mahu pun ambivalen sehingga metafora haiwan memberikan kita banyak ruang interpretasi. Walaupun penggunaan metafora telah menjadi sebahagian daripada percakapan biasa, penggunaan metafora yang kurang umum masih menjadi ciri istimewa karya sastera yang bernilai tinggi yang membezakannya daripada bahasa biasa. Dalam puisi misalnya, kita boleh menggunakan metafora untuk membuat perbandingan maksud-maksud kiasan dan makna perasaan yang diasosiasikan dengan perumpamaan pada objek lain dalam konteks yang sama.

Fungsi Sosial Metafora Haiwan²

Penggunaan metafora haiwan dapat memenuhi beberapa fungsi sosial, antaranya:

Ungkapan Perasaan

Bahasa Jerman, sebagai contoh, ialah bahasa yang banyak menggunakan panggilan dengan nama haiwan seperti *Bärchen* (beruang kecil), *Mausi* atau *Mäuschen* (tikus kecil), *Hasi* atau *Häschen* (arnab kecil) kepada orang kesayangan. Panggilan seperti itu terdengar ganjil dan aneh jika digunakan dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu ataupun Indonesia tidak terdapat penggunaan metafora haiwan untuk menggambarkan hal positif dan hubungan mesra antarmanusia secara langsung seperti dalam bahasa Jerman. Namun, ada penggunaan tertentu misalnya untuk menggambarkan kecantikan seseorang, metafora digunakan agar tidak memuji secara langsung, seperti “alisnya bagaikan semut beriring” dengan makna seseorang dengan bentuk bulu kening yang bagus, “dagunya bagaikan lebah bergantung” bermakna seseorang dengan dagu yang elok. Sebaliknya, dalam pergaulan sehari-hari masyarakat Melayu dan Indonesia, nama haiwan sering kali digunakan untuk menghina seseorang. Misalnya seorang yang berbadan gemuk mendapat gelaran “si gajah” atau orang yang kurus dan tinggi di Indonesia disamakan dengan “si zirafah”. Di Indonesia, orang yang suka mencuri mendapat panggilan “kucing garong” atau “bajing loncat”. Seorang anak yang tak boleh duduk diam ataupun seorang ahli politik yang suka berpindah parti disebut “kutu loncat”.

Cerminan Nilai Budaya Masyarakat

Metafora haiwan mencerminkan nilai yang wujud dalam masyarakat. Melalui perbandingan dengan sifat haiwan, manusia cenderung secara tidak langsung menilai orang lain sebagai kritikan yang membangun. Misalnya, jika seseorang mendapat gelaran “badak sumbu” ia dikatakan berperangai tidak senonoh atau tidak sesuai dengan kebiasaan dalam masyarakat sekitarnya.

Situasi politik di Indonesia akhir-akhir ini memberikan pemetaan terbaharu metafora haiwan melalui metafora “cicak” dan “buaya” yang dikiaskan untuk dua golongan yang bermasalah. Buaya dikiaskan untuk salah satu lembaga kerajaan di Indonesia sebagai orang yang berkedudukan penting dalam pemerintahan, sedangkan cicak dikiaskan untuk anggota KPK (Komisi Pemberantasan Korupsi). Kiasan ini menggambarkan kedudukan KPK yang walaupun kecil dan lemah bagai cicak, namun dapat membongkar kes rasuah besar yang menurut khabar burung melibatkan sang buaya.

Metafora yang Menerangkan Keadaan Sesuatu Benda

Metafora juga dapat menerangkan suatu keadaan dengan makna neutral, ertinya, ungkapan itu tidak mengandung makna konotatif negatif ataupun positif. Metafora tersebut biasanya merujuk kepada bentuk haiwan yang menjadi unsur perbandingan. Ungkapan “ekor kuda” di Indonesia merujuk kepada bentuk rambut yang diikat di belakang kepala dan menyerupai ekor kuda atau juga disebut kuncir ekor kuda. Di Indonesia terdapat “roti buaya” yang berbentuk seperti buaya dan dibuat untuk pesta perkahwinan di daerah pedalaman Jakarta di pemukiman penduduk Betawi asli. “Kumis kucing” di Indonesia atau “misai kucing” di Malaysia merujuk kepada tanaman ubat yang bentuknya mirip misai kucing.

JENIS PEMBENTUKAN METAFORA HAIWAN

Terdapat tiga jenis pembentukan metafora iaitu: (1) metafora bentukan langsung, yang terdapat perilaku, sifat dan karakter haiwan, (2) bentukan tidak langsung atau bauran, yang terdapat perilaku dan karakter haiwan yang bercampur dengan pendapat atau fantasi manusia, (3) bentukan arbitrari, yang tidak terdapat kaitan antara haiwan pembanding dengan makna metaforisnya.


(1) Metafora Bentukan Langsung

Pengamatan manusia terhadap haiwan menghasilkan ciri-ciri haiwan yang dapat dikenali manusia secara langsung. Ciri-ciri tersebut biasanya berupa tanda fizikal kewujudan haiwan seperti bentuk tubuh, ukuran tubuh, cara bergerak, kebiasaan, kecepatan gerak dan lain-lain. Bahagian tubuh haiwan dalam metafora merupakan kiasan kepada bahagian tubuh manusia yang mendeskripsikan keseluruhan bentuk tubuh manusia seperti ungkapan “kaki gajah” untuk orang yang sangat gemuk, “mata helang” untuk orang yang berpenglihatan tajam dan lain-lain.

(2) Metafora Bentukan Tak Langsung

Pengamatan dan penilaian manusia tentang perilaku dan watak haiwan di satu negara boleh tidak sama dengan penilaian di negara lain sehingga dapat menyebabkan penerokaan metafora yang berbeza walaupun haiwan pembandingnya sama. Yang dimaksudkan dengan perilaku dan sifat haiwan yang dinilai manusia ialah sifat yang muncul melalui naluri

haiwan yang dapat diamati manusia di samping kewujudan lahiriahnya. Perilaku semua haiwan sama, baik di Indonesia mahupun di Malaysia seperti kicauan burung, gaya terbang burung, lompatan harimau dan lain-lain, tetapi manusia menginterpretasikan perilaku tersebut secara berbeza sesuai dengan pengamatan masing-masing. Contoh metafora haiwan badak yang mengalami perubahan makna: “kulit badak” secara denotatif bermakna kulit pada badak, tetapi setelah mengalami proses metaforis ungkapan tersebut mendapat makna lain. Tanda semantik (+tebal) pada badak merubah kewujudan luaran menjadi perilaku yang dikiaskan pada perilaku manusia.



Sesebuah metafora dapat langsung digunakan sebagai kata ganti nama untuk menggambarkan watak orang lain seperti ungkapan “kulit badak” sebagai gelaran untuk seseorang yang tak kenal malu. Ungkapan tersebut diteroka manusia berdasarkan penilaian terhadap haiwan seperti badak yang dikenali kerana kewujudannya dengan kulit yang tebal.

(3) Metafora Bentukan Arbitrari

Tidak seperti pada pembentukan metafora secara langsung yang berhubungan dengan sifat, kewujudan atau perilaku haiwan, metafora arbitrari diteroka berdasarkan pendapat manusia bahkan fantasi manusia yang menghubungkan haiwan dengan sesuatu hal. Fantasi tersebut lazimnya diasaskan pada legenda, dongeng bahkan ramalan bintang atau horoskop. Bentukan seperti ini berunsur metalinguis.

Pada metafora bentukan arbitrari, kewujudan ataupun perilaku haiwan digunakan untuk kiasan kepada perangai manusia seperti pada ungkapan “ayam kampus” yang berkonotasi pada mahasiswi di Indonesia yang berprofesion sebagai pelacur terselubung. Manakala di Malaysia ungkapan “ibu ayam” atau “bapa ayam” dikiaskan kepada seseorang yang menyelenggarakan kegiatan pelacuran. Tidak dapat dijelaskan mengapa orang meneroka metafora dengan haiwan ayam sebagai pembanding untuk mengiaskan kegiatan pelacuran dan bukan haiwan lain.

MAKNA DENOTATIF

Makna denotatif adalah makna kata atau kelompok kata yang didasarkan atas penunjukan yang lugas pada sesuatu di luar bahasa atau yang didasarkan atas konvensi tertentu; sifatnya objektif (Kridalaksana, 2008:46).

MAKNA KONOTATIF

Menurut Suwandi (2008:82) makna konotatif merujuk kepada kesan-kesan atau asosiasi yang biasanya bersifat emosional dan subjektif. Makna konotatif muncul sebagai akibat asosiasi perasaan kita terhadap leksem yang kita gunakan.

Lebih jauh Kridalaksana menerangkan makna konotatif (*connotation, overtone, evocatory*) sebagai aspek makna sebuah atau sekelompok kata yang didasarkan atas perasaan atau fikiran yang timbul atau ditimbulkan pada pembicara atau penulis dan pendengar atau pembaca (2008:132). Melalui analisis makna denotatif dan konotatif dapat diketahui jenis pembentukan metafora.

ANALISIS METAFORA HAIWAN

Makalah ini menganalisis penggunaan metafora dalam pengertian luas dan mencakupi metafora terpilih yang menggunakan nama haiwan sebagai pembanding dalam bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia. Kajian utama tertumpu pada analisis makna metaforis metafora haiwan yang bertujuan untuk menjelaskan sama ada bahasa Melayu yang serumpun dengan bahasa Indonesia mempunyai persamaan ataupun perbezaan. Analisis makna konotatif berguna untuk menunjukkan sama ada suatu ungkapan metafora haiwan mempunyai perkaitan antara manusia dengan haiwan sebagai pembanding baik secara langsung atau pun tidak langsung, atau sama ada hubungan tersebut hanya bersifat kebetulan semata-mata (arbitrari). Konsep yang disandang metafora kemudian dikaji berdasarkan teori metafora konsepsi Lakoff dan Johnson (2008) yang berpendapat bahawa metafora digunakan dalam kehidupan sehari-hari sama ada manusia menyedarinya atau tidak. Metafora bukan sahaja merupakan sebahagian daripada bahasa melainkan juga pemikiran manusia yang tidak terlepas daripada imaginasi mereka sendiri. Sesuatu konsep tertentu dalam metafora haiwan ialah hasil terjemahan manusia sebagai kiasan kepada sifat manusia. Sebagai contoh, haiwan buaya mempunyai konsep buas, licik, jahat dan selalunya berkonotasi dengan perilaku negatif.

Metafora Tikus

Tikus dengan kucing merupakan dua haiwan yang sering dikaitkan bersama dalam metafora dan biasanya tikus melambangkan seseorang yang lemah, sedangkan kucing lebih kuat. Metafora tikus dikaitkan dengan hal-hal yang ada pada habitatnya seperti rumah, lengkiang, roman, labu, beras dan gudang beras. Metafora tikus dalam kedua-dua bahasa mempunyai konsep: kebodohan, kelemahan, sesuatu yang kecil, orang berpangkat rendah dan gadis tak baik. Selain itu, dalam bahasa Melayu konsep ditambah dengan makna penakut. Bentuk dominan dalam kedua-dua bahasa ialah bentuk tak langsung (tebu dikerubuk tikus, digerek tikus, penikus, gang tikus dan sebagainya.). Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Awak tikus hendak menampar kepala kucing. (Tidak berdaya mencapai sesuatu yang dicita-citakan atau diharapkan)	1.	Seperti tikus masuk perangkap. (Sangat gelisah)
2.	Bagai tikus membaiki labu. (Orang yang mencoba membaiki sesuatu yang tidak diketahuinya, akhirnya merosakkannya)	2.	Datang sebagai ekor tikus. (Kedatangan orang yang makin lama makin susut (ekor tikus makin ke ujung makin kecil)
3.	Marahkan tikus lengkiang terbakar. (Kerana sakit hati oleh sesuatu yang kecil, maka melakukan sesuatu yang mendatangkan kerugian besar)	3.	Tikus jatuh ke dalam gudang beras. (Mendapat tempat/ kedudukan yang mewah dan menyenangkan)
4.	Rumah terbakar tikus habis keluar. (Bila terjadi malapetaka maka penduduk dan para saudagar meninggalkan negerinya)	4.	Kucing pergi tikus menari. (Pimpinan tak ada di tempat, bawahan terlengah-lengah)
5.	Seperti tikus jatuh ke beras. (Orang yang mendapat kedudukan yang mewah)	5.	Buah dimakan tikus. (Perempuan yang belum bersuami tapi sudah bukan gadis lagi)
6.	Tali dalam bungkusan, digerek tikus apa gunanya. (Perempuan dalam pingitan telah melakukan perbuatan salah dengan diam-diam)	6.	Labu ditebuk. (dikerubuk) tikus (Gadis yang ternodai)

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
7.	Seperti tikus masuk roman. (Kecewa kerana tak mendapat apa yang diharapkan)	7.	Gang tikus. (Jalan kecil di antara perkampungan sempit di Indonesia)
8.	Paksa tekukur padi rebah, paksa tikus lengkiang terbuka. (Hal yang selalu jadi cita-cita, yang jadi keinginan)		
9.	Penikus. (Orang yang penakut)		

Metafora Kucing

Metafora kucing bahasa Melayu dan bahasa Indonesia mempunyai konsep makna yang sama, iaitu sesuatu yang hebat, tangkas, cergas, lelaki. Tetapi jika metafora kucing dikombinasikan dengan haiwan lain yang lebih besar seperti harimau atau anjing, maka ia mempunyai konsep lain iaitu: orang miskin, penakut, keluarga dekat, perempuan tak baik, lemah. Bentuk dominan dalam kedua-dua bahasa ialah bentuk langsung (kucing bertanduk, lakak kucing, kucing takut balur, senyum kucing, kucing biang, misai kucing, kucing mengeong dan sebagainya.). Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Kalau kucing keluar tanduk barulah ayam boleh bersusu. (Perkara yang mustahil)	1.	Seperti anjing dengan kucing. (Selalu bertengkar)
2.	Menantikan kucing bertanduk. (Menantikan sesuatu yang mustahil)	2.	Lakak kucing di dapur. (Menganiaya orang yang dekat dengan kita dengan mudah)
3.	Bagai kucing dengan panggang. (Mudah menimbulkan sesuatu hal yang tak baik kalau diperdekatkan. Laki-laki dengan perempuan yang selalu dekat akhirnya terjadi jua hal yang kurang baik)	3.	Berkucing-kucing. (Bercari-carian; laki-laki dan perempuan yang berbuat serong)
4.	Terkejar-kejar bagai kucing jatuh anak. (Seseorang yang tergopoh-gopoh oleh kerana kesusahan yang besar)	4.	Membeli kucing dalam karung. (Membeli sesuatu tanpa melihat barangnya)

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
5.	Bagai kucing kehilangan anak. (Seseorang yang kehilangan akal atau bingung)	5.	Bagai kucing lepas senja. (Sukar dicari; berasa senang)
6.	Bagai kucing menjemput api. (Yang dikehendaki tiada tercapai sedang alat atau syarat yang digunakan untuk mencapai maksudnya itu pun hilang juga)	6.	Bagai kucing dibawakan lidi. (Sangat ketakutan)
7.	Bagai kucing takut akan balur. (Lelaki yang takut atau malu pada perempuan)	7.	Kucing melompat, orang terkejut daripada tidurnya, ayam berkokok haripun siang. (Kesusahan atau dukacita orang terasa sampai kepada kita)
8.	Kalau kucing tiada bermisai, takkan ditakuti tikus lagi. (Orang besar yang sudah dipecat dari jabatannya tiada disegani orang lagi)	8.	Menggoda kucing dengan babi; Mengadu kucing dengan babi. (Bermain ceki dengan taruhan wang)
9.	Terjerit-jerit bagai kucing biang. (Perempuan yang tanpa malu bercakap kuat)	9.	Jangan dibangunkan kucing tidur. (Musuh yang sedang diam jangan dijagakan pula)
10.	Lagak kucing di dapur. (Menganiaya orang yang dekat dengan kita dengan mudah)	10.	Kucing bertanduk. (Sesuatu yang mustahil)

Metafora Anjing

Haiwan anjing dalam budaya Melayu bukanlah haiwan yang disukai dan biasa dipelihara orang. Anjing ialah haiwan yang dalam dirinya membawa najis. Walaupun anjing dipelihara di rumah, kebanyakannya hanya sebagai anjing penjaga rumah, bukan sebagai kawan manusia seperti di Eropah. Oleh sebab itu, metafora anjing yang diteroka orang Melayu kebanyakannya berkonsepkan sesuatu yang tidak bererti atau pun hina. Konsep lain metafora anjing bahasa Melayu dan Indonesia pada dasarnya adalah sama iaitu: miskin, tidak berguna, tamak, lelaki jahat dan orang penakut. Bentuk dominan dalam kedua-dua bahasa adalah bentuk langsung (ekor, menggonggong, menyalak, mengulang bangkai, berebut tulang, galak, mengigit dan sebagainya). Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Anjing ditepuk menjungkit ekor. (Orang hina apabila dihormati, sombonglah jadinya)	1.	Seperti anjing dengan kucing. (Orang yang tak dapat akur)
2.	Anjing tiada bercawat ekor. (Sesuatu yang hina dan tiada berguna. Tiadalah indah kepada mata sekalian orang, kiasan yang tidak baik terhadap seorang perempuan yang tiada malu)	2.	Seperti anjing bercawat ekor. (Pergi atau menghindar kerana malu)
3.	Anjing diberi makan nasi bilakan kenyang. (Sia-sia memberi nasihat baik kepada orang jahat)	3.	Anjing menyalak, kafilah lalu. (Suatu pekerjaan yang tetap dilakukan walau ada rintangan)
4.	Anjing itu meski dirantai dengan rantai emas sekalipun niscaya berulang-ulang juga ke tempat najis. (Orang bertabiat jahat, walau bagaimanapun tak akan berubah tabiatnya)	4.	Anak anjing itu bolehkan menjadi anak musang jebat? (Orang kecil akankah ia mencapai martabat tinggi? Bila dapat, tak akan kekal juga)
5.	Anjing mengulang bangkai. (Laki-laki yang mengulangi perbuatan tak senonoh)	5.	Rakus seperti anjing kurus. (Sangat rakus)
6.	Melepaskan anjing terjepit, sesudah lepas, dia menggigit. (Menolong orang yang tak tahu membalas budi)	6.	Bagai anjing tersepit di pagar. [Seseorang yang dalam kesusahan, halnya serba salah (Minangkabau)]
7.	Anjing menyalak di ekor kerana melahirkan gajah. (Orang kecil (hina) hendak melawan orang berkuasa)	7.	Bagai anjing menyalak di ekor gajah. (Seorang yang hina dan lemah hendak melawan orang berkuasa dan mulia)
8.	Bagai anjing beranak enam. (Kurus sekali)	8.	Bagai anjing beranak enam. (Kurus sekali)
9.	Anjing menyalak bukit, takkan runtuh. (Orang baik yang dicela oleh orang jahat, tentu tidak akan binasa kebbaikannya)	9.	Anjing menyalak takkan menggigit. (Ancaman yang tak berbahaya)
10.	Anjing itu, kalau dipukul sekalipun, berulang juga ia ke tempat bangkai yang banyak tulang. (Orang yang tamak, sekalipun dikata-katai, namun ia tidak akan malu)	10.	Memberi makan anjing di tembikar, memberi makan pada gajah dengan alatnya. (Segala sesuatu hendaklah pada tempatnya)

Metafora Harimau

Metafora haiwan buas harimau dalam bahasa Melayu dan Indonesia umumnya mempunyai konsep yang sama, iaitu sesuatu yang berhubungan dengan kekuatan atau kekuasaan, keberanian dan kebijaksanaan. Lebih jauh, sifat harimau yang melindungi anaknya dikiaskan sebagai kasih sayang orang tua terhadap anaknya. Bentuk dominan ialah bentuk langsung (gigi, mulut, kuku dan sebagainya) dan tak langsung (belang harimau, mengaum, semangat, rupa, bunyi dan sebagainya). Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Harimau ditakuti sebab giginya. (Orang yang berpangkat ditakuti sebab kuasanya)	1.	Harimau ditakuti sebab giginya. (Orang besar-besar itu ditakuti kerana kekuasaannya)
2.	Harimau bertempik tak akan makan orang. (Orang marah berteriak-teriak biasanya tak sampai memukul)	2.	Harimau mengaum tak akan menangkap. (Orang yang mengancam dengan perkataan kuat, biasanya tak sampai berbuat apa-apa)
3.	Sudah masuk ke dalam mulut harimau. (Sudah pasti binasa)	3.	Seperti harimau kena kucing pekak. (Orang yang sangat marah tetapi takut akan bahaya yang menimpa)
4.	Kecil-kecil anak harimau. (Kecil tapi berbahaya juga)	4.	Kecil-kecil anak harimau. (Anak bangsawan disegani orang walau sewaktu kecil pun)
5.	Anak harimau diajar makan daging. (Orang yang zalim digalakkan membunuh)	5.	Jangan diajar anak harimau makan daging. (Anak raja-raja jangan diajar merajalela, bila terbiasa kelak, rakyat yang akan celaka)
6.	Bagai harimau beranak muda. (Orang yang sangat bengis)	6.	Harimau memperlihatkan kukunya. (Orang yang memperlihatkan kekuasaannya)

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
7.	Anak harimau tak akan jadi anak kambing. (Pemberani tak akan jadi penakut)	7.	Malu kalau anak harimau menjadi anak kambing. (Tak patut anak orang pandai menjadi bodoh, atau anak pemberani menjadi penakut)
8.	Bagai bunyi orang dikoyak harimau. (Menjerit kuat-kuat)	8.	Semangat harimau. (Percaya diri sendiri dan berani melakukan pekerjaan yang berat lagi sukar)
9.	Rupa harimau, hati tikus. (Nampaknya gagah berani tapi sebenarnya penakut)	9.	Kalau si tua. (harimau) menunjukkan belangnya, telah tentu kambing bertanggungan. [(Orang lemah (bodoh) melawan orang kuat (pintar)]
10.	Harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan gading. (Orang berjasa akan selalu disebut orang, walau telah meninggal)	10.	Siapa berani menangkap harimau. (Orang kuasa ditakuti orang banyak)

Metafora Babi

Sebagai haiwan yang tidak diperlunakan oleh masyarakat Melayu, babi tidak banyak memberi sumbangan dalam metafora. Metafora yang diteroka mengungkapkan penilaian bangsa Melayu terhadap haiwan yang haram dimakan ini sebagai sesuatu yang hina. Dalam metafora berpasangan dengan anjing, babi mempunyai “kelas hina” yang setara dengan anjing. Metafora yang diteroka dalam bahasa Melayu berdasarkan pandangan dan bentuk arbitrar, sedangkan dalam bahasa Indonesia terdapat juga metafora bentuk langsung (“kutu babi” dan “babi ngepet”). Konsep utama metafora babi dalam kedua-dua bahasa adalah hina, kotor dan lelaki jahat. Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Jangan bagai babi merasa gulai. (Tiada patut orang yang hina bangsa itu hendak setara atau berjodoh dengan bangsawan)	1.	Jangan bagai babi merasa gulai. (Tiada patut orang yang hina bangsa itu hendak setara atau berjodoh dengan bangsawan)
2.	Terlepas daripada babi gemuk, terpeluk anjing kurap. (Perempuan yang bernasib malang kerana setelah berpisah dengan suami yang hartawan tetapi jahat kemudian berkahwin pula dengan seorang yang miskin lagi hina dan lagi jahat)	2.	Babi ngepet. (Manusia dalam wujud babi yang tengah mengamalkan ilmu sesat untuk mencuri wang)
3.	Mutiara terkalung dileher babi. (Orang yang mulia telah jatuh hina)	3.	Kutu babi. (Butang baju)
		4.	Gila babi. (Penyakit ayan)

Metafora Udang

Kebanyakan metafora udang dalam kedua-dua bahasa diteroka berdasarkan bentuk tubuhnya yang kecil dan melingkar yang disebut tahi letak di kepala sehingga diasosiasikan dengan kebodohan. Selain konsep kebodohan, metafora udang juga menyatakan konsep sesuatu niat yang tersembunyi. Selain itu, bentuknya yang bongkok dan habitatnya dalam air, menyebabkan udang dilihat lemah dan mudah terkena perangkap. Bentukkan metafora udang yang dominan pada kedua-dua bahasa ialah bentukkan tak langsung (otak udang, merentak, bongkok dan sebagainya). Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Udang hendak mengatai ikan. (Kesalahan orang lain nampak, kesalahan sendiri tak disedari)	1.	Tiada berudang dibalik batu. [Tiada orang selain aku (sombong)]
2.	Udang merentak dalam tangguk. (Orang yang tak tetap laku dan kedudukannya)	2.	Otak udang. (bodoh)
3.	Udang tak tahu akan bongkoknya. (Tak insaf atas kekurangan diri sendiri)	3.	Ada udang dibalik batu. (Ada maksud tertentu yang diungkapkan di sebalik kata atau perbuatan)

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
4.	Bagai udang dalam tangguk. (Menggelepar kerana kesukaran)		
5.	Banyak udang, banyak garamnya, banyak orang banyak ragamnya. (Kegemaran (pikiran) tiap orang tak sama)		
6.	Ada udang dibalik batu. (Ada maksud tertentu yang diungkapkan dibalik kata atau perbuatan)		

Metafora Ikan

Ikan ialah salah satu sumber makanan penting baik di Malaysia mahupun di Indonesia. Kedekatan manusia dengan ikan berkaitan erat dengan profesion pemancing sebagai salah satu profesion tertua didunia untuk memenuhi keperluan keseharian. Namun, tidak banyak metafora ikan yang dapat penulis temukan dalam buku rujukan. Di Indonesia nama ikan mempunyai konotasi untuk sesuatu yang hebat: “kelas kakap” merujuk kepada tindakan jenayah yang digolongkan kepada kelas berat, tetapi juga untuk sesuatu yang kecil: “kelas teri” (ikan bilis) yang merujuk kepada jenayah kelas ringan. Konsep metafora ikan dalam kedua-dua bahasa ialah: keuntungan dan sumber pendapatan. Bentukkan metafora ikan yang dominan ialah bentukkan langsung (insang, radai, pukat, jinak, umpan dan sebagainya). Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Asal berinsang ikanlah. (Tidak memilih pekerjaan, makanan, perempuan dan sebagainya)	1.	Airnya jernih, ikannya jinak. (Negeri yang aman teratur pemerintahannya dan penduduknya berperibahasa baik)
2.	Ikan belum didapat, airnya sudah keruh. (Pekerjaan yang tidak dilakukan dengan bijaksana; keadaan memburuk sebelum pekerjaan selesai)	2.	Laksana ikan dalam keroncor. (Mudah ditangkap, mudah kena wabah)

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
3.	Ikan yang di dalam lautan yang besar-besar sekalipun, termasuk juga ke dalam pukut. (Sepandai-pandai orang, adakalanya salah juga)	3.	Mati ikan kerana umpan, mati sahaya kerana budi. (Manusia dapat dibujuk dengan budi bahasa halus)
4.	Ikan lagi di laut, lada garam sudah di sengkalan. (Bersiap-siap mengecap hasil pekerjaan yang belum pasti berhasil)	4.	Asam di darat ikan di laut, bertemu dalam belanga juga. (Perempuan dan lelaki, kalau sudah jodoh, bertemu juga akhirnya)
5.	Anak ikan dimakan ikan, tahu makan tahu simpan. (Jikalau tahu membuat sesuatu kerja, hendaklah tahu menyimpan rahsianya)	5.	Tertanggung pada ikan sama menguntungkan, tertanggung pada rangsang sama mengiraikan. (Semufakat, keuntungan yang didapat bersama dinikmati bersama dan bila ada yang tidak baik, dihilangkan bersama juga)
6.	Kuat ikan kerana radai, kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit. (Berasa kuat atau berkuasa kerana ada kelebihanannya; tiap-tiap orang sedikit banyak ada kuasanya)	6.	Ikan dilaut diramaskan santan. (Memastikan rezeki yang belum tentu didapat)
7.	Ikan biar dapat, serampang jangan pukah. (Pekerjaan yang dilaksanakan supaya berfaedah hingga jerih payah tak hilang percuma)	7.	Ikan pulang ke lubuk. (Telah kembali ke tempat asalnya)
8.	Ikan seekor rosak oleh ikan seekor. (Kerana yang sedikit rosak yang banyak)		
9.	Ikan tergantung, kucing tunggu. (Mengharapkan untuk memperoleh barang yang diinginkan)		

Metafora Lebah

Penulis hanya menemukan tiga metafora lebah dalam kedua-dua bahasa. Konsep utama metafora lebah ialah rajin yang dihubungkan dengan kebiasaan lebah menghimpun madu. Bentuk sarang lebah dikiaskan juga sebagai dagu perempuan yang elok tapi juga sebagai tempat berbahaya. Sedangkan mulut dan ekor lebah dikiaskan dengan perempuan jahat. Bentukkan metafora lebah ialah bentukkan langsung (mulut, sengat, sarang, ekor, madu) dan tak langsung (lebah bergantung). Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Umpama orang memelihara dirinya di dalam sarang lebah. (Mempertahankan diri di tengah musuh)	1.	Dagu bagai lebah bergantung. (Amat elok)
2.	Seperti lebah, mulut membawa madu, buntut membawa sengat. (Wanita yang cantik dan halus tutur bahasanya tetapi jahat hatinya)	2.	Menolong orang diurungi lebah. (Orang yang ditolong selamat, tetapi yang menolong mendapat bahaya)
3.	Bagai lebah menghimpun madu. (Sangat rajin)	3.	Seperti lebah, mulut membawa madu, pantat membawa sengat. (Wanita yang cantik dan halus tutur bahasanya tetapi jahat hatinya)

Metafora Labah-labah

Gambaran bentuk tubuh yang kecil dan kebiasaan membuat sarang ialah ciri utama metafora labah-labah. Bentuk tubuh yang kecil dikiaskan dengan seseorang yang lemah dan tidak berkuasa. Sedangkan sarang labah-labah dikiaskan dengan tempat berbahaya atau orang suka menipu kerana dapat menjerat musuh. Konsep metafora labah-labah adalah: orang yang lemah, penipu dan bahaya. Bentukkan metafora labah-labah yang dominan dalam kedua-dua bahasa ialah bentukkan langsung (sebesar labah-labah, sarang). Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Tebuan memining anak labah-labah. [(Seseorang kecil hendak memining anak orang besar (jodoh tak sepadan)]	1.	Laksana labah-labah membuat sarang. (Pekerjaan yang sulit tetapi hasilnya rapuh)
2.	Berkelahi seperti labah-labah dalam gelas. (Dahsyat keadaan di tempat yang sempit atau berusaha saling menewaskan)	2.	Sebesar labah-labah. (Orang lemah yang panjang akal)
3.	Seperti labah-labah cinta pada telurnya. (Kasih sayang yang amat sangat)	3.	Masuk ke sarang labah-labah. (Masuk ke perangkap musuh)
4.	Akal labah-labah digua buruk suka merakut. (Orang jahat yang suka menipu)		

Metafora Ayam

Interaksi manusia dengan ayam di daerah pedalaman dan di kampung-kampung dapat dikatakan sangat dekat. Manusia memelihara ayam sebagai haiwan ternak yang memberi keuntungan sebagai sumber makanan ataupun sebagai ayam sabung. Di kota besar, manusia memelihara ayam sebagai haiwan kesayangan yang diberi sangkar bagus dan diberi makan. Metafora ayam banyak diteroka dengan menyebutkan habitatnya seperti reban, sawa dan pautan. Konsepnya adalah lemah, keuntungan, mangsa. Bentuk dominan dalam kedua-dua bahasa ialah bentuk langsung (tunggau, taji, bulu, sangkak, ciap), dan tak langsung (dilapur ayam, retak ayam, pautan). Bentuk arbitrari “bapa ayam” atau “ibu ayam” dalam bahasa Melayu bukan merupakan rujukan standard. Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Sebagai ayam diasak malam. (Tak berdaya)	1.	Sebagai ayam diasak malam. (Tak berdaya)
2.	Ayam pulang ke pautan. (Sudah pada tempatnya)	2.	Bagai ayam lepas bertaji. (Seseorang tertimpa kesusahan dibiarkan; serba susah, orang lain dalam bahaya diurus, tapi diri sendiri tertimpa bahaya)

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
3.	Mati ayam mati tunggaunya. (Kepala celaka, anak buah merasakan juga atau sangat berkasih-kasihan, hingga sehidup semati)	3.	Ayam dapat, musang pun dapat. (Orang jahat tertangkap dan barang curian pun berhasil dikembalikan)
4.	Apalagi sawa ia berkehendak ayamlah. (Orang yang suka mencari barang-barang yang digemari)	4.	Seperti ayam mendapat ubi. (Girang mendapatkan barang yang disukainya)
5.	Ayam berinduk, sirih berjunjung. (Tiap-tiap yang lemah harus mendapat bantuan dan perlindungan)	5.	Seperti ayam melihat musang. (Ketakutan dan kehilangan akal)
6.	Tuah ayam boleh dilihat, tuah manusia siapa tahu. (Tak ada yang dapat menentukan untung malang seseorang)	6.	Masa ada ayam yang memantangkan jemur. (Mustahil ada orang menolak keuntungan)
7.	Dilapur ayam betina. (Dikalahkan oleh perempuan)	7.	Bagai ayam dibawa ke lampok. (Tercengang-cengang seperti orang desa masuk kota besar)
8.	Pantang lang dengan ayam, lambat laun disambar juga. (Lelaki kalau dekat dengan perempuan, akhirnya terjadi juga hal yang tak baik atau pencuri tak boleh melihat harta, pasti dicurinya juga)	8.	Ayam patah, kalau-kalau dapat menikam. (Orang yang sudah jatuh melarat, mungkin kelak dapat bangun kembali)
9.	Ayam tidur senang di dalam reban, musang yang susah beredar sekeliling. (Tidak senang melihat kebahagiaan orang)	9.	Seciap bagai ayam sedencing bagai besi. (Ringan sama dijinjing berat sama dipikul)
10.	Junjung sangkak ayam. (Menanggung malu)	10.	Ayam yang tangkas di gelanggang. (Orang yang jauhari berbicara dalam majlis)

Metafora Burung

Analisis metafora burung hanya mengambil contoh metafora burung pipit dan burung gagak.

Metafora Burung Pipit

Burung pipit yang kecil fizikalnya dikaitkan dengan orang yang lemah dan tidak punya kuasa dan miskin. Konsep dalam kedua-dua bahasa adalah sama, iaitu lemah, orang tiada kuasa. Bentuk dominan ialah bentuk tak langsung. Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Pipit hendak meminang anak enggang. (Orang kecil hendak meminang anak orang besar)	1.	Pipit tuli makan di hujan, bila dihalau kain basah, tak dihalau padi habis. [Pekerjaan yang merepotkan, dilaksanakan susah, tak dilaksanakan pun susah (serba salah)]
2.	Pipit menelan jagung. (Orang miskin yang berlagak seperti orang kaya akhirnya susah juga)	2.	Pipit menelan jagung. (Orang miskin yang berlagak seperti orang kaya akhirnya susah juga)
3.	Pipit sama enggang mana boleh terbang bersama. (Perjodohan atau perkahwinan lebih sempurna kalau sedarjat)	3.	Pipit berperang dengan garuda. (Orang kecil melawan orang besar)
4.	Pipit yang makan padi merbah terbawa rendong. (Orang lain yang mendapat kesenangan, orang lain yang harus bertanggungjawab)	4.	Pipit pekak makan berhujan. (Amat rajin dengan pekerjaan tak peduli akan bahaya yang hendak menyimpannya)
5.	Pipit bukan seekor, jagung bukan sebatang. (Bantahan terhadap satu tuduhan kejahatan)	5.	Pipit jantan tidak bersarang. [Anak laki-laki tak perlu dibuatkan rumah, dia boleh pergi ke mana-mana, tetapi anak perempuan harus dibuatkan rumah (adat minang)]
6.	Pipit hendak jadi enggang. (Ingin melakukan sesuatu yang melebihi kesanggupan)		

Metafora Burung Gagak

Burung gagak yang berwarna hitam kelam mempunyai konotasi sesuatu yang buruk. Dalam ungkapan metafora, gagak dikiaskan dengan lelaki yang buruk rupa, lelaki jahat atau lelaki bodoh. Jenis pembentukan metafora gagak ialah bentukan langsung melalui kewujudan lahiriah, iaitu bulu yang berwarna hitam dan suara yang tak merdu. Konsep metafora gagak dalam kedua-dua bahasa adalah sesuatu yang buruk, abadi dan zaman yang sangat lampau. Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Gagak bersuara murai. (Rupanya bodoh tetapi suaranya merdu dan baik budi bahasanya)	1.	Selama gagak hitam, selama air hilir. (Selama-lamanya)
2.	Gagak dimandikan tujuh kali sehari pun, takkan putih bulunya. (Orang jahat, biarpun diberi kesenangan, namun kalau mendapat kesempatan akan diulangnya juga perbuatan jahatnya itu)	2.	Seperti burung gagak pulang ke benua. (Meskipun sudah pergi merantau tetapi selalu kembali.)
3.	Gagak lalu punggung rebah. (Orang besar yang berlaku kurang adil kepada orang kecil, kerana mahu memperlihatkan kekuasaannya)	3.	Ketika gagak putih, bangau hitam. (Zaman dahulu sekali)
4.	Ketika gagak putih, bangau hitam (Zaman dahulu sekali)		
5.	Seperti burung gagak pulang ke benua. (Meskipun sudah pergi merantau tetapi selalu kembali)		
6.	Seperti gagak mengongong telur. (Lelaki buruk atau hitam beristerikan wanita cantik berkulit putih)		
7.	Lompat gagak. (Gaya berjalan yang terjengket-jengket)		
8.	Hitam gagak siapa yang mencelupnya. (Kejahatan dilakukan atas kehendak sendiri)		

Metafora Buaya

Buaya dalam kedua-dua budaya sering dikaitkan dengan sesuatu yang bersifat negatif. Masyarakat di Malaysia dan di Indonesia memandang buaya sebagai haiwan yang ganas dan berbahaya. Kewujudan buaya yang nampak ganas dan lazimnya memakan haiwan lain termasuk bangkai menjadikan buaya bukan haiwan yang dekat dengan manusia. Panggilan “buaya darat” untuk lelaki yang suka mempermainkan wanita tidak dapat dijelaskan daripada bentuk ataupun sifat buaya, namun, itu merupakan bentuk arbitrari. Konsep dalam metafora buaya adalah kejahatan, kekuasaan dan kepandaian (berenang). Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Buaya darat. (Lelaki yang suka menukar pasangan wanitanya dan meninggalkannya setelah dinodai)	1.	Buaya darat. (Lelaki yang suka menukar pasangan wanitanya dan meninggalkannya setelah dinodai)
2.	Tidak usah diajar anak buaya berenang ia sudah pandai juga. (Orang yang sudah tahu tak usah diajar)	2.	Buaya melangsar. [Pemuda yang mengintai-intai gadis yang sedang menumbuk padi dimuka rumahnya (Palembang)]
3.	Air yang tenang, jangan disangka tiada berbuaya. (Orang yang diam jangan disangka bodoh atau penakut)	3.	Elang menerap buaya; elang berlagak seperti buaya. [Dikiaskan seorang pemuda yang merenggut bunga dari sanggul gadis (Palembang)]
4.	Kalau menyeberang sungai biarlah ditelan oleh buaya tapi janganlah dipagut oleh ikan-ikan kecil. (Kalau berbuat salah biarlah dihukum orang besar, tapi jangan dianiaya oleh orang-orang kecil)	4.	Air yang tenang, jangan disangka tiada berbuaya. (Orang yang diam jangan disangka bodoh atau penakut)
5.	Bergalah ke hilir tertawa buaya, bersuluh di bulan terang tertawa harimau. (Perbuatan yang sia-sia itu ditertawakan orang)	5.	Adakah buaya menolak bangkai. (Seorang jahat tentu akan berbuat jahat)

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
6.	Tidak akan terlawan buaya menyelam. (Orang pandai (kuasa) tak akan dapat dilawan)	6.	Terlepas dari mulut buaya, masuk ke mulut harimau. (Terhindar dari kemalangan kecil menghadapi kemalangan besar)
7.	Adakah buaya menolak bangkai. (Seorang jahat tentu akan berbuat jahat)	7.	Tidak akan terlawan buaya menyelam. (Orang pandai (kuasa) tak akan dapat dilawan)
8.	Asal selamat ke seberang, biar bergantung di ekor buaya. (Sangat perlu akan pertolongan, betapa pun jua pertolongan itu akan diterimanya)	8.	Lidah buaya. (Jenis tanaman ubat yang berbentuk seperti lidah buaya)
9.	Lidah buaya. (Orang yang kuat makan)	9.	Air mata buaya. (Air mata penipu)
10.	Tidak akan terlawan buaya menyelam. (Orang pandai (kuasa) tak akan dapat dilawan)		

Metafora ular

Kewujudan ular yang melingkar dan dapat membelit serta mematikan haiwan lain ataupun manusia dikenal sebagai sesuatu bahaya yang mengancam, aniaya dan tanpa kebaikan langsung. Metafora ular dalam kedua-dua bahasa mempunyai konsep negatif, iaitu bahaya, marah, licik, ancaman dan musuh dalam selimut. Bentuk dominan ialah bentuk langsung (kaki ular, ketiak ular) dan tak langsung (menyusur, siul ular). Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
1.	Takut pada ular, terkejut pada bengkarung. (Kerana takut pada yang berkuasa maka takut pula pada kaumnya)	1.	Bagai ular menyusur akar. (Merendahkan diri tapi tak hilang gengsinya)
2.	Melangkahi ular. (Melakukan sesuatu yang sangat berbahaya)	2.	Melangkahi ular. (Melakukan sesuatu yang sangat berbahaya)

Bil.	Bahasa Melayu	Bil.	Bahasa Indonesia
3.	Ular dipukul jangan mati, kayu pemukul jangan patah, tanah dipala jangan lembang. (Menyelesaikan suatu perkara hendaklah seadil-adilnya)	3.	Seperti ular dicubit ekor. (Marah dan menghadapi musuh dengan berani)
4.	Seperti memalu ular dalam benih, ular jangan mati, benih jangan rosak. (Menyelesaikan sesuatu perkara hendaklah seadil-adilnya)	4.	Jangan menggerakkan ular tidur. (Jangan mencari bahaya)
5.	Biar ular mati dan kayu tiada patah. (Binasakanlah musuh tanpa merusak diri)	5.	Ular jangan mati, tanah jangan lekuk, buluh jangan pukah. (Pekerjaan supaya ada manfaat, jangan hilang jerih payah)
6.	Jika ular meyusur akar, tiada akan hilang bisanya. (Orang besar tak akan hilang martabatnya bila ia merendahkan diri sekalipun)	6.	Jangan didengarkan siul ular. (Tetap awas, jangan pedulikan tipu muslihat musuh)
7.	Kerosok ular di rumpun bambu. (Jangan takut akan ancaman orang, bualnya besar tapi takut bertindak)	7.	Mendengarkan siul ular. (Mendengarkan cakap orang yang hendak menjatuhkannya)
8.	Naga ditelan ular lidi. (Anak orang bangsawan berkahwin dengan orang kebanyakan)	8.	Seperti ketiak ular. (Sepanjang lanjut, tak putus putus)
9.	Seperti ular kena palu. (Meronta kerana sakit dan marah; bengkok tak beraturan)	9.	Waktu garuda alah oleh ular. (Rembang tengah hari)
10.	Sudah tampak kaki ular. (Sudah diketahui kelakuan seseorang yang buruk)		

Pasangan Sinonim

Pasangan sinonim ialah metafora yang memiliki makna yang sama walaupun menggunakan nama haiwan pembandingan yang berbeza. Analogi dalam metafora pada kedua-dua bahasa disebabkan bangsa Malaysia dan Indonesia melihat dan menilai sifat-sifat yang sama pada haiwan tertentu, ataupun hal itu terjadi sebagai hasil penyebaran budaya atau kontak

bahasa. Konsep metafora haiwan pasangan sinonim dapat dikatakan sama dalam kedua-dua bahasa. Contoh:

Bil.	Bahasa Melayu	Bil..	Bahasa Indonesia
1.	Ulat buku. (Orang yang gemar membaca)	1.	Kutu buku. (Orang yang gemar membaca)
2.	Ketika gagak putih, bangau hitam. (Zaman dahulu sekali)	2.	Zaman kuda gigit besi. (Zaman dahulu sekali)
3.	Mandi kerbau. (Mandi yang tak bersih)	3.	Mandi kucing. (Mandi yang tak bersih)
4.	Seperti itik mendapat air. (Mendapat sesuatu yang digemari/senang sekali)	4.	Seperti anjing mendapat pasir. (Mendapat sesuatu yang digemari/senang sekali)
5.	Membeli kerbau di padang. (Membuat keputusan tanpa diteliti dahulu)	5.	Membeli kucing dalam karung. (Membuat keputusan tanpa diteliti dahulu)
6.	Rumput mencari kuda. (Wanita mencari lelaki)	6.	Ulat mencari sambal. (Wanita mencari lelaki)
7.	Anak kera hendak diajar memanjat. (Hendak mengajar orang yang pandai)	7.	Anak itik hendak diajar berenang. (Hendak mengajar orang yang pandai)
8.	Niat dihati hendak memancing ikan termenung, sudah terkail ikan setoka. (Lain yang dihajat, lain pula yang didapat)	8.	Rusa ditembak, ikan yang kena. (Lain yang dihajat, lain pula yang didapat)
9.	Mulut bagai ekor ayam dihembus. (Banyak cakap)	9.	Bagai murai dicabut ekor. (Banyak cakap)
10.	Burung boleh lupa akan getah, getah tak akan lupa pada burung. (Orang mudah melupakan bahaya, tetapi bahaya tetap mengancam)	10.	Pelanduklah melupakan jerat, tetapi jerat tidak melupakan pelanduk. (Orang mudah melupakan bahaya, tetapi bahaya tetap mengancam)

KESIMPULAN

Hasil kajian makna denotatif menunjukkan bahawa metafora haiwan dibentuk mengikut perilaku dan sifat haiwan yang menjadi pembandingan metafora. Selain itu, banyak terdapat metafora bentukan arbitrari atau gabungan daripada kedua-duanya. Daripada kajian makna konotatif, hasil yang didapati ialah metafora digunakan sebagai penyebutan atau gelaran manusia (wujud, sifat dan watak manusia), keadaan sesuatu ataupun kritik terhadap seseorang atau masyarakat. Metafora haiwan boleh membawa makna positif, negatif, mahupun neutral yang penggunaannya ditentukan oleh situasi tertentu.

Kajian semantik pula menunjukkan bahawa metafora haiwan dengan dua nama haiwan sebagai pembandingan dapat membentuk kombinasi yang saling melengkapi ataupun saling bertentangan dalam makna metaforisnya. Pada dasarnya, masyarakat Melayu Malaysia dan Indonesia sangat banyak mempunyai cara pandang yang sama dalam menilai sifat haiwan sehingga mereka meneroka metafora haiwan yang sama dengan makna yang juga sama, atau maknanya sama namun diungkapkan melalui haiwan yang berbeza. Imajinasi masyarakat Melayu tentang sifat haiwan menghasilkan konsep metafora yang selari dengan teori konsepsi.

Bahasa Indonesia yang berasal daripada bahasa Melayu meneroka metafora haiwan dengan berasaskan pemikiran Melayu yang dalam proses perkembangannya tidak mengalami banyak perubahan. Tidak terdapat perbezaan besar pada tataran semantik dalam metafora haiwan dalam kedua-dua bahasa. Data kajian untuk metafora haiwan bahasa Indonesia disusun daripada buku-buku tentang peribahasa yang sumbernya berasal daripada bahasa Melayu. Tidak mudah untuk membezakan mana satu ungkapan metaforis Indonesia yang asli, dan mana pula yang berasal daripada bahasa Melayu. Satu-satunya sumber pasti yang menjelaskan suatu metafora berasal dari Indonesia dan bukan daripada budaya Melayu Malaysia adalah apabila terdapat maklumat yang jelas tentang daerah asal suatu metafora yang ditulis dalam buku rujukan seperti metafora dari Palembang, Jawa atau Minangkabau. Ciri metafora haiwan Indonesia lainnya adalah jika metafora haiwan bahasa Indonesia menggunakan kosa kata moden (neologisme) yang memang tidak dikenali dalam bahasa Melayu. Metafora tanpa asal usul daerah yang jelas dapat diklasifikasikan sebagai metafora dari Malaysia dan Indonesia. Metafora haiwan daripada kedua-dua bahasa tersebut saling melengkapi antara satu sama lain dan bersumber daripada budaya yang sama, iaitu budaya Melayu, baik itu Melayu asal Sumatera mahupun Melayu Nusantara.

Metafora haiwan mengungkapkan nilai-nilai dan idea dalam masyarakat penutur suatu bahasa dan memberikan petunjuk tentang struktur sosial dan cara berfikir masyarakat tersebut. Metafora haiwan mengungkapkan tiga hubungan sosial: hubungan antara manusia dengan haiwan, manusia dengan manusia dan juga manusia dengan masyarakat. Metafora haiwan mempunyai fungsi sosial dalam masyarakat sebagai sarana untuk mempertahankan tradisi melalui ungkapan yang bijaksana dan adaptasi sosial dalam bentuk ungkapan perasaan.

NOTA

- 1 Bentuk dan fungsi metafora diterjemahkan penulis daripada Wolff, G. (1987): *Metaphorischer Sprachgebrauch*. Stuttgart: Phillip reclam Jun. hlm. 18-20.
- 2 Untuk fungsi sosial dan jenis pembentukan bandingkan dengan Hsieh, S. (2001). *Die Tiermetapher im modernen Chinesischen und Deutschen: Semantische und soziale Funktionen*. hlm. 219-22.

RUJUKAN

- Badudu, J.S., 2008. *Kamus Peribahasa*. Jakarta: Kompas.
- Burger, H., 2007. *Phraseologie: Eine Einführung am Beispiel des Deutschen*. Berlin: Schmidt.
- Bussmann, H., 2001. *Lexikon der Sprachwissenschaft*. Stuttgart: Kröner.
- Csaba, F., 2002. *Idiomatik/ Phraseologie*. Tübingen: Groos.
- Deutscher, G., 2005. *The Unfolding of Language*. London: Arrow Books.
- Djajasudarma, F., 2006. *Metode Linguistik: Ancangan Metode Penelitian dan Kajian*. Bandung: Refika Aditama.
- Drosdowski, G; Scholze-Stubenrecht, W., 1998. *Redewendungen und Sprichwörtliche Redensarten*. Mannheim: Duden Band 11.
- Hsieh, S.C., 2001. *Tiermetapher im modernen Chinesischen und Deutschen: Semantische und Soziale Funktionen*. In: <http://tobias-lib.ub.uni-tuebingen.de/volltexte/2001/209/pdf/diss021-040pdf>
- Johnson, M & Lakoff, G., 2008. *Leben in Metaphern: Konstruktion und Gebrauch von Sprachbildern*. Heidelberg: Carl Auer.
- Kamisa, 1997. *Kamus Lengkap Bahasa Indonesia*. Surabaya: Kartika.
- Kutha Ratna, N., 2009. *Stilistika: Kajian Puitika Bahasa, Sastra dan Budaya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Mazlan Ismail, 2010. *My Kamus Peribahasa*. Shah Alam: Marshall Cavendish.
- Mahsun, M.S., 2007. *Metode Penelitian Bahasa*. Jakarta: Raja Grafindo Perkasa.
- Mohd Tajuddin Haji Abdul Rahman, 2006. *Kamus Peribahasa*. Shah Alam: Oxford Fajar.

MERRY LAPASAU, ARBAK OTHMAN

- Kamus Dewan*, 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Orrecchioni, K., 1986. *La Connotation*. Lyon: Presse Universitaire de Lyon. Hlm. 94-156.
- Pakhoruzi Muhammad, 2009. *Kamus Simpulan Bahasa*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Palm, C., 1997. *Phraseologie. Eine Einführung*. Tübingen: Narr.
- Pamuntjak, K St. et al., 2004. *Peribahasa*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Sarwono, P., 2007. *Kamus Peribahasa*. Jakarta: Gramedia.
- Suwandi, S., 2008. *Semantik: Pengantar Kajian Makna*. Yogyakarta: Media Perkasa.
- Von Wilpert, Gero, 1989. *Sachwörterbuch der Literatur*. Stuttgart: Kröner.
- Widdowson, H.G., 1996. *Linguistics*. Oxford: University Press.
- Wolff, G., 1982. *Metaphorischer Sprachgebrauch*. Stuttgart: Reclam.
- www.bmspm.net. 24.08.2009
- [www.http://ms.wikipedia.org/wiki/Peribahasa](http://ms.wikipedia.org/wiki/Peribahasa) 01.08.2009
- www.karyanet.com.mu 24.08.2009
- Zabri Zakaria dan Rubiah Jusoh, 2010. *Peribahasa*. Petaling Jaya: Kualiti books.
- Zaimar, OKS & Harahap, A B., 2009. *Telaah Wacana*. Jakarta: The intercultural Institute.